

<http://jksn.penang.gov.my>



## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

### MAHKAMAH RAYUAN / TINGGI SYARIAH PULAU PINANG

Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Rayuan / Tinggi  
No. 3, Jln. Batu Gantung,  
10450, Pulau Pinang.  
Tel: 04-8282727 / 04-8278586 / 04-8271875  
Faks: 04-8296427

E-mel Jabatan:jksnpp@penang.gov.my  
E-mel Ketua Hakim: yusupct@penang.gov.my  
E-mel Ketua Pendaftar: azzeman@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TIMUR LAUT

Hakim  
Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut  
No. 3, Jln. Batu Gantung,  
10450, Pulau Pinang.  
Tel: 04-82782727 / 04-8278586 / 04-8271780  
Faks: 04-8272924  
E-mel: yusri@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BARAT DAYA

Hakim  
Mahkamah Rendah Syariah Barat Daya  
Jalan Titi Teras,  
11000 Balik Pulau,  
Pulau Pinang.  
Tel: 04-8662282  
Faks: 04-8665634  
E-mel: munir@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA

Hakim  
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara  
Jalan Loader, Off Jalan Bagan Luar,  
12000 Butterworth.  
Tel: 04-3243075  
Faks: 04-3322624  
E-mel: zainol@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH

Hakim  
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah  
Bangunan Sri Mertajam,  
No. 1765, Jalan Ciku,  
14000 Bukit Mertajam.  
Tel: 04-5375410  
Faks: 04-5309178  
E-mel: zahir@esyariah.gov.my


### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN

Hakim  
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan  
14200 Jawi, Seberang Perai Selatan.  
Tel: 04-5827294  
Faks: 04-5824589  
E-mel: abubakar2@esyariah.gov.my

**Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang  
No. 3, Jln. Batu Gantung,  
10450, Pulau Pinang  
Tel: 04-8282727  
Faks: 04-8296427  
E-mel Am:jksnpp@penang.gov.my**




**J A B A T A N  
K E H A K I M A N  
S Y A R I A H  
N E G E R I  
P U L A U P I N A N G**



**HAK SUAMI ISTERI  
MEMBUAT TUNTUTAN  
SELEPAS  
PERCERAIAN**

# **HAK SUAMI ISTERI MEMBUAT TUN-TUTAN SELEPAS PERCERAIAN**

Hubungan kekeluargaan dalam system rumah tangga Islam tidak terhenti setakat lafaz cerai dilafazkan. Sistem kekeluargaan dalam Islam amat sempurna dan adil kepada semua pihak di kalangan ahli keluarga. Sungguhpun ikatan pernikahan telah putus akibat jatuh talaq, Islam masih member ruang kepada pasangan suami isteri untuk terus berhubung di antara satu dengan lain dengan batas-batas pergaulan yang diharuskan oleh hukum syara'. Matlamat ini amat murni bagi memastikan hak-hak bekas suami isteri dan anak-anak dilindungi.



## **1. NAFKAH EDDAH**

Nafkah eddah ialah nafkah yang wajib dibayar kepada bekas isteri di dalam tempoh eddah rai'ie disebabkan sesuatu perceraian iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut hukum syara'.

## **2. MUT'AH**

Mut'ah iaitu satu bayaran yang wajib ke atas suami yang diberi kepada isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang munasabah mengikut hukum syara'. Kadar mut'ah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak. Sekiranya terdapat pertikaian mengenai kadar ini, mahkamah akan menentukan kadar bayaran mut'ah tersebut.

## **3. HARTA SEPENCARIAN**

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami-isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat-syarat ditentukan oleh hukum syara'. Harta sepencarian ini boleh dituntut oleh suami isteri atau di mahkamah yang berbidangkuasa.

Harta sepencarian termasuklah wang ringgit, harta alih, harta tak alih atau apa-apa asset yang dihasilkan atas perkongsian bersama dalam tempoh perkahwinan.

Tuntutan Harta Sepencarian ini hendaklah dikemukakan ke Mahkamah Tinggi Syariah.

## **4. HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)**

Hadhanah bermaksud penjagaan anak-anak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri.

Mengikut hukum syara' dan Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 yang berkuatkuasa, ibu adalah orang yang paling berhak bagi menjaga anak-anaknya yang masih kecil (di bawah umur 7 tahun bagi anak lelaki dan 9 tahun bagi perempuan).

Bagi anak yang melebihi had umur di atas, jika berlaku pertikaian mengenai hak jagaan anak, Mahkamah akan menentukan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut samada hendak tinggal bersama ibu atau bapa mereka.

Tuntutan hak jagaan anak (hadhanah) ini hendaklah dikemukakan ke Mahkamah Tinggi Syariah.

## **5. NAFKAH ANAK**

Nafkah anak ialah suatu nafkah yang wajib ke atas seorang bagi menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaan atau dalam jagaan seseorang lain.

Nafkah anak ini termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perbuatan sekadar mencukupi mengikut kemampuannya.



# **JKSNPP**

## **6. TUNGGAKAN NAFKAH**

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunai-kan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah.

## **7. HAK TEMPAT TINGGAL**

Seseorang perempuan yang diceraikan adalah berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia dalam perkahwinan selama tempoh eddah.

## **NOTA PERINGATAN:**

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.



**J A B A T A N  
K E H A K I M A N  
S Y A R I A H  
N E G E R I  
P U L A U P I N A N G**

No. 3, Jln. Batu Gantung,  
10450, Pulau Pinang  
Tel: 04-8282727  
Faks: 04-8296427  
E-mel Am:  
[jksnpp@penang.gov.my](mailto:jksnpp@penang.gov.my)